PERUTUSAN GABENOR

Tahun 2014 dicirikan oleh keadaan pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu berikutan prospek pertumbuhan global yang kurang optimistik, prospek dasar yang berbeza-beza oleh pihak berkuasa monetari utama dan penurunan harga minyak yang mendadak. Sepertimana ekonomi lain di rantau ini, sistem kewangan Malaysia telah menerima kesan daripada susulan peralihan dalam mudah tunai global ekoran penilaian semula risiko oleh para pelabur dalam persekitaran semasa. Namun, peralihan mudah tunai global ini diiringi pembezaan yang lebih jelas merentas negara.

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan walaupun berhadapan dengan perkembangan ini, disokong oleh pengantara kewangan yang kukuh dan proses pengantaraan yang berfungsi dengan cekap. Ini seterusnya telah menyokong aktiviti ekonomi sektor swasta. Pasaran kewangan domestik yang lebih maju dan asas pelabur institusi domestik yang meluas turut menyumbang kepada kestabilan pasaran kewangan dalam tempoh ketidaktentuan yang semakin meningkat. Justeru, keadaan yang teratur terus dapat dikekalkan dalam pasaran-pasaran tersebut. Meskipun terdapat sedikit peningkatan dalam kos pendanaan runcit dan kos antara bank menjelang akhir tahun 2014, yang sebahagiannya mencerminkan pelarasan yang dibuat oleh bank terhadap piawaian mudah tunai baharu yang bakal dilaksanakan, namun mudah tunai dalam sistem perbankan masih lebih daripada mencukupi. Keputusan ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank berdasarkan andaian kejutan kredit dan pendanaan yang ekstrem membuktikan tahap daya tahan sistem perbankan yang tinggi. Pada tahun 2014, risiko dalam sektor isi rumah dan harta tanah juga telah berkurang berikutan langkah-langkah fiskal dan kehematan makro yang dilaksanakan dahulu.

Pada masa akan datang, pengurusan kestabilan sistem kewangan akan memberi tumpuan kepada beberapa cabaran yang timbul daripada implikasi perubahan keadaan ekonomi global dan domestik ke atas sistem kewangan, dan juga penyesuaian terhadap pembaharuan pengawalseliaan yang meluas. Ini bagi memastikan tidak wujud kesan yang tidak teratur kepada proses pengantaraan kewangan. Pengurangan tahap kompleksiti piawaian antarabangsa dan penambahbaikan terhadap tahap kesinambungan pasti akan memudahkan pelaksanaan piawaian ini yang lebih berkesan. Untuk melaksanakan perubahan yang dirancang terhadap piawaian teras, Bank akan mempertimbangkan kesesuaian penggunaannya dalam konteks domestik. Di samping itu, perhatian akan ditumpukan pada usaha memastikan pengaturan yang melindungi kestabilan kewangan terus mengambil kira dengan secukupnya sifat pengantaraan kewangan yang sering berubah, termasuk peranan pasaran modal dan institusi kewangan bukan bank yang kini semakin penting selain aktiviti kewangan merentas sempadan yang bertambah.

Justeru, Bank terus mengekalkan tahap kewaspadaannya yang tinggi, yang melibatkan pengawasan penyeliaan terhadap institusi kewangan yang lebih intrusif. Tumpuan khusus diberikan untuk memastikan piawaian pemberian pinjaman dan peruntukan pinjaman bank kekal kukuh. Pembaharuan pengawalseliaan yang utama, khususnya yang berkaitan dengan pakej pembaharuan Basel III, juga terus dilaksanakan secara berhati-hati, dengan pengawasan yang rapi terhadap kesannya sepanjang tempoh peralihan. Pada tahun 2014, langkah-langkah penting telah diambil untuk mengukuhkan pengawalan dan penyeliaan kumpulan kewangan, untuk menambah baik penilaian risiko dan mengurangkan kesan arbitraj pengawalseliaan yang mungkin timbul daripada penggunaan piawaian kehematan yang berbeza merentas sektor kewangan.

Bank juga akan terus mengkaji semula dengan lebih kerap metrik risiko yang digunakan dalam penyeliaan kumpulan kewangan dan pemantauan risiko terhadap kestabilan kewangan, serta mengambil kira sumber-sumber baharu risiko penularan dan saluran penyebarannya. Penilaian risiko dan ujian tekanan Bank, seperti yang dihuraikan dalam Laporan ini, semakin berkembang skopnya. Bank turut memperluas pemantauannya terhadap aktiviti pengantaraan oleh entiti bukan bank. Perundangan kewangan Bank yang lebih kukuh telah meningkatkan keupayaan Bank untuk menangani risiko yang berpunca daripada aktiviti pengantaraan sedemikian di luar sistem kewangan yang dikawal selia secara rasmi. Hal ini khususnya adalah penting dalam mengurangkan pembentukan ketidakseimbangan kewangan dalam sektor isi rumah dan harta tanah. Pelbagai usaha terus ditumpukan pada pengukuhan rangka kerja operasi termasuk tadbir urus bagi mengurus risiko ini dan ke arah menambah baik penyelarasan antara agensi dalam memelihara kestabilan kewangan.

Perkara penting yang perlu dipertimbangkan untuk kestabilan kewangan ialah hubungan sistem kewangan serantau dan antarabangsa yang semakin kukuh melalui peningkatan kehadiran institusi kewangan domestik di luar negara serta perkembangan pengaturan pembayaran dan penyelesaian yang memudahkan aliran perdagangan dan pelaburan. Kesalinghubungan yang lebih kukuh ini akan menyumbang kepada peningkatan potensi pertumbuhan rantau ini dan memudahkan penggemblengan dan pengagihan dana yang lebih cekap di seluruh rantau. Ciri-ciri antarabangsa bagi pasaran sukuk Malaysia dan penyertaan yang lebih meluas oleh bukan pemastautin dalam pasaran modal domestik turut mengukuhkan kepelbagaian dan pengantarabangsaan pasaran kewangan. Kemajuan yang dicapai di ASEAN berkenaan pembangunan sebuah pasaran modal yang bersepadu dan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi akan memperkukuh kesalinghubungan ini. Bank terus memainkan peranan yang aktif dalam memperluas pengaturan kerjasama bagi kestabilan kewangan dengan bank-bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan yang lain di serata dunia. Pengaturan ini, yang melibatkan 16 ekonomi serantau dan antarabangsa setakat ini, meliputi pelbagai bidang, termasuk penyeliaan, penilaian dan pemantauan risiko kestabilan kewangan, serta pengurusan krisis. Tidak kurang pentingnya juga ialah usaha yang berterusan untuk mengenal pasti dan menghapuskan halangan terhadap aliran maklumat yang penting untuk menyokong penyeliaan merentas sempadan dan pengurusan risiko.

Bank terus melaksanakan beberapa pembaharuan struktur yang penting dalam sistem kewangan. Pembaharuan ini umumnya mempunyai dua matlamat utama, iaitu untuk mempertingkatkan kecekapan dan keupayaan sistem kewangan dalam memenuhi keperluan ekonomi, dan untuk memperkukuh insentif bagi pengambilan risiko secara berhemat sambil mempertimbangkan dinamik sistem kewangan yang sering berubah-ubah. Pada tahun-tahun yang akan datang, pembaharuan yang besar dalam sektor insurans akan beralih menjadi tumpuan utama apabila Bank terus mengimbangi dengan berhati-hati objektif mengembangkan persekitaran yang lebih kompetitif yang diperkukuh oleh kehematan kewangan dan perlindungan pengguna yang mencukupi. Dalam sektor perbankan, pelaksanaan rangka kerja kadar rujukan baharu untuk penentuan harga produk kewangan runcit akan meningkatkan transmisi dasar monetari, di samping menambah baik disiplin penentuan harga dan ketelusan kepada pengguna. Pengenalan akaun pelaburan Islam, yang disokong oleh Platform Akaun Pelaburan bersepadu, akan turut memperluas peluang untuk pembiayaan perniagaan yang baharu dan inovatif. Dalam industri kad pembayaran, pembaharuan yang diperkenalkan pada tahun 2015 akan menangani herotan insentif selain menggalakkan penggunaan dan penerimaan yang lebih meluas bagi instrumen pembayaran yang berdaya saing dan cekap dari segi kos.

Memandangkan betapa pentingnya perkembangan global dalam agenda kestabilan kewangan antarabangsa, Bank terus menjadi peserta aktif dalam pelbagai forum antarabangsa. Sepanjang tahun 2014, Bank diterima sebagai pemerhati dalam Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel dan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan. Kedua-dua jawatankuasa tersebut akan menyediakan peluang yang strategik kepada Bank untuk mengetengahkan perspektif pasaran yang sedang pesat membangun mengenai perkembangan penting yang membentuk landskap kewangan. Ini juga membuktikan komitmen Malaysia untuk menerima pakai piawaian antarabangsa yang inklusif. Selain itu, Malaysia menjadi tuan rumah kepada ibu pejabat Persatuan untuk Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) dan Pejabat Kumpulan Bank Dunia, kedua-duanya bertempat di bangunan Sasana Kijang. AFI khususnya mencerminkan pengiktirafan global terhadap komitmen Malaysia yang berterusan terhadap kemajuan rangkuman kewangan pada peringkat global dan domestik.

Melangkah ke hadapan, agenda kestabilan kewangan Bank akan meneruskan tumpuan yang jitu terhadap usaha untuk menambah baik keadaan bagi daya tahan dan kestabilan jangka panjang yang akan menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
11 Mac 2015